

KOD KELAKUAN

Kami sentiasa bertindak mengikut
peraturan-di mana sahaja kami berada

KANDUNGAN

- 4 KATA PENGANTAR OLEH
LEMBAGA EKSEKUTIF

PERATURAN KAMI

- 6 SKOP
7 PRINSIP AM DAN OBLIGASI
8 PRINSIP PEMATUHAN KREDIT
10 HAK ASASI MANUSIA, BURUH DAN
STANDARD SOSIAL YANG DIIKTIRAF
MENGIKUT TAHAP ANTARABANGSA
12 PERSEKITARAN, KESELAMATAN,
KESIHATAN & KUALITI

- 14 UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

- 16 CUKAI DAN MENCEGAH PENGUBAHAN
WANG HARAM

- 17 PERDAGANGAN LUAR NEGERI
DAN KAWALAN EKSPORT

- 18 PENGHARAMAN RASUAH

- 20 PERLINDUNGAN DATA

- 21 PENGGUNAAN DAN PERLINDUNGAN
ASET DAN SUMBER-SUMBER

- 22 INTEGRITI DALAM PELAPORAN
DAN PERATURAN MODAL PASARAN

- 24 KONFLIK KEPENTINGAN

- 26 KOMUNIKASI LUAR

- 27 KOMITMEN POLITIK DAN SOSIAL

- 28 SANKSI DAN AKIBAT

- 29 SISTEM PEMBERI MAKLUMAT

- 30 MAKLUMAT SYARIKAT



**“Dalam dunia perniagaan hari ini,
menghormati undang-undang adalah penting
untuk kejayaan syarikat yang berterusan di
peringkat negara dan antarabangsa.”**

CHRISTIAN KULLMANN
Pengerusi Lembaga Eksekutif
Evonik Industries AG

PARA PEKERJA,

Adalah cita-cita kita untuk menjadi sebuah syarikat kimia khusus yang terbaik di dunia dengan matlamat untuk mencapai pertumbuhan yang menguntungkan. Dalam usaha mencapai cita-cita ini, kita mengamalkan strategi kita secara sistematik melalui tiga teras iaitu portfolio yang fokus dan seimbang, sebagai pemimpin inovasi dan satu budaya korporat yang berlandaskan kepercayaan dan penghasilan.

Nilai-nilai kita iaitu Prestasi, Kepercayaan, Keterbukaan dan Kelajuan adalah penting bagi budaya kita dan sejurusnya bagi kejayaan kita. Kita melaksanakan perniagaan harian dan kerjasama kita secara telus, boleh dipercayai dan adil. Ini bermaksud kita mesti mematuhi semua undang-undang yang terpakai, peraturan-peraturan dalaman dan iltizam-iltizam sukarela yang terikat. Dalam perkataan lain, kita memanggil ini sebagai “pematuhan”.

Evonik tidak membuat perniagaan pada apa-apa harga!

Mengapa pematuhan sangat penting kepada kita? Pematuhan mengukuhkan keyakinan rakan-rakan kongsi perniagaan, pemegang-pemegang syarikat dan pihak awam terhadap Evonik. Namun, kepercayaan tidak datang dengan sendirinya: Kita perlu berusaha secara bersungguh-sungguh dan mengulangi usaha kita untuk membinanya. Reputasi Evonik yang tinggi boleh dihancurkan oleh perlanggaran individu-individu. Itulah sebabnya kita mesti beriltizam kepada pematuhan.

Rakan-rakan sekerta saya dalam Lembaga Eksekutif bersama-sama saya berharap anda akan membiasakan diri anda dengan kandungan Kod Etika (Code of Conduct) dan bertindak dengan bertanggungjawabnya. Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan, sila hubungi bahagian yang berkaitan atau Pegawai Pematuhan.

A blue ink handwritten signature of Christian Kullmann's name, "Christian Kullmann", in a cursive style.

SKOP

Kod Kelakuan ini dikenakan kepada seluruh Kumpulan Evonik, dalam erti kata lain untuk

A

semua kakitangan Evonik Industries AG,

B

semua kakitangan syarikat-syarikat di mana Evonik Industries AG secara langsung atau tidak langsung memegang lebih daripada 50 peratus saham atau berupaya mengenakan sebarang kawalan pengaruh dalam apa-apa cara lain, dan :

C

Lembaga Eksekutif Evonik Industries AG dan semua badan urusan syarikat-syarikat yang disebut dalam **B**; dalam Kod kelakuan ini, mereka adalah termasuk dalam istilah "pekerja".

Pada semua syarikat gabungan lain, pengarah-pengarah urusan syarikat Evonik yang memiliki pegangan saham dikehendaki berusaha ke arah melaksanakan prinsip yang selaras dalam syarikat mereka.

PRINSIP AM DAN OBLIGASI

Evonik mentakrifkan pematuhan sebagai mengikut semua undang-undang, peraturan-peraturan dalaman dan komitmen sukarela yang mengikat. Keperluan pematuhan utama adalah dinyatakan dalam Kod kelakuan ini.

Semua pekerja mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Kod Kelakuan ini. Mereka dikehendaki membiasakan diri dengan Kod Kelakuan dan mengambil bahagian dalam sesi latihan yang berkaitan.

Semua penyelia bertindak sebagai model peranan. Oleh itu, mereka mempunyai tanggungjawab khas dan mesti memastikan kakitangan di bawah seliaan mereka mematuhi peraturan Kod Kelakuan.

Kod Kelakuan ini boleh ditambah dengan peraturan-peraturan dalaman. Ini mesti berkaitan dengan Kod Kelakuan dan mesti disebarluaskan sewajarnya dalam syarikat.

Kod Kelakuan ini menetapkan standard minimum dan mengambil keutamaan ke atas undang-undang negara yang kurang ketat. Jika terdapat apa-apa percanggahan, undang-undang tempatan mandatori akan diguna pakai.

Khidmat nasihat yang tepat pada masa dengan jabatan yang berkaitan atau Pegawai Pematuhan harus dipastikan untuk menjelaskan apa-apa soalan yang berhubung dengan Kod Kelakuan ini.



PRINSIP PEMATUHAN KREDIT

Evonik mengharapkan pekerja-pekerjanya untuk mempertimbangkan dengan teliti sama ada mereka boleh membuat keputusan sendiri, atau sama ada ianya adalah sesuai untuk melibatkan pekerja lain.

Sesetengah keputusan boleh mempunyai kesan undang-undang, ekonomi atau kesan substantif yang ketara. Dalam kes seperti itu, adalah penting untuk mengelakkan mengambil keputusan yang tidak betul dan mengelak segala kemungkinan penyalahgunaan. Oleh itu, Evonik mempunyai banyak peraturan dalaman yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya dua pekerja yang diberikuasa hendaklah terlibat dalam membuat keputusan ("prinsip pematuhan kredit"). Di samping itu, semua pekerja perlu berhati-hati membuat pertimbangan dalam setiap kes iaitu sama ada mereka diberi kuasa untuk membuat keputusan dalam bidang kuasa mereka sendiri, atau sama ada ianya adalah sesuai untuk melibatkan pekerja lain.

"Kami mengikut prinsip pematuhan kredit."

HAK ASASI MANUSIA, BURUH DAN STANDARD SOSIAL YANG DIIKTIRAF SECARA ANTARABANGSA

Evonik menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah syarikat global, Evonik komited, khususnya, kepada prinsip-prinsip Piagam Antarabangsa Hak Asasi Manusia, sepuluh prinsip UN Global Compact, Garis Panduan OECD bagi Syarikat Multinasional, standard buruh dan standard sosial Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), dan prinsip perkongsian sosial. Selain kesamarataan semua hak-hak manusia, prinsip-prinsip berikut adalah amat penting untuk Evonik:

- hak untuk peluang yang sama rata dan kebebasan daripada diskriminasi
- mengelakkan segala bentuk buruh kanak-kanak dan buruh paksa
- hak untuk kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif
- penggajian yang adil dan manfaat tambahan berdasarkan keadaan pasaran tempatan
- pematuhan peraturan tentang waktu bekerja

Peluang yang sama rata, kepelbagaian, dan layanan yang adil serta layanan secara bersopan kepada orang lain memainkan peranan utama bagi Evonik sebagai majikan. Oleh itu Evonik

menjangkakan pekerjaanya untuk bertindak dengan sewajarnya dalam pekerjaan mereka. Dalam hubungan perniagaan mereka, khususnya, semua pekerja mesti menghormati hak orang lain, dan kepelbagaian bangsa dan budaya. Tiada pekerja, orang lain yang diambil kerja oleh Evonik, bakal pekerja atau rakan kongsi perniagaan boleh dilayan secara tidak adil, diberi layanan istimewa, diletakkan di kedudukan yang lemah atau terkecuali atas dasar bangsa atau asal etnik, warna kulit, jantina, agama atau falsafah, ciri ciri fizikal, penampilan, umur, identiti seksual atau sifat-sifat lain yang dilindungi oleh undang-undang. Kesemua bentuk gangguan ini adalah dilarang.

Evonik tidak bertolak ansur dengan tindakan yang menyumbang kepada atau menyokong pencabulan hak asasi manusia.


Jika pekerja berasa bimbang tentang mana-mana isu-isu yang disebut dalam seksyen ini, mereka perlu menghubungi penyelia, Tanggungjawab Korporat atau Jabatan Sumber Manusia.



*"Kami melayan satu sama
lain dengan adil dan hormat."*

PERSEKITARAN, KESELAMATAN, KESIHATAN & KUALITI

Evonik memberi keutamaan kepada perlindungan kesihatan dan keselamatan pekerja serta tanggungjawab terhadap alam sekitar sebagai elemen penting dalam kelakuan korporat. Prinsip Penjagaan Bertanggungjawab adalah terikat untuk Evonik di seluruh dunia.



Evonik menghasilkan produk yang memberi manfaat kepada rakyat. Keselamatan dan keserasian produknya dengan alam sekitar diberi keutamaan oleh Evonik. Pengurusan kualiti digunakan untuk memperbaiki produk dan proses pengeluaran, mengelakkan kesilapan, meningkatkan tahap keselamatan serta mengurangkan penggunaan tenaga dan bahan mentah. Sehubungan ini, pekerja yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dikehendaki menggunakan udara, air dan tanah dengan berhati-hati mengikut undang-undang yang sedia ada. Pelupusan dan pembuangan hendaklah dilakukan mengikut peruntukan undang-undang. Pembinaan, pengoperasian, pengubahsuaian dan perluasan kilang pengeluaran mestilah mematuhi peraturan-peraturan sedia ada.

Evonik telah mengenakan standard global yang tinggi untuk memastikan budaya keselamatan yang seragam. Ia secara berterusan memacu ke arah langkah-langkah untuk melindungi kesihatan dan meningkatkan keselamatan pekerjaan, loji dan pengangkutan. Risiko untuk bahan dan pengeluaran yang berkaitan dapat dikurangkan

secara sistematik. Untuk mengelakkan sebarang unsur bahaya terhadap diri sendiri dan orang lain, pekerja mesti mematuhi semua peraturan-peraturan keselamatan yang berkaitan pada setiap masa. Di samping itu, semua keperluan undang-undang yang berkenaan dengan pengendalian dan penghasilan bahan kimia mesti dipatuhi. Semua pekerja adalah bertanggungjawab untuk keselamatan di kawasan tempat kerja mereka.

Evonik adalah jiran yang baik di sekitar tempat ianya befungsii. Ini termasuk menyediakan maklumat yang telus dan melibatkan diri dalam dialog. Evonik memaklumkan kepada pelangannya penggunaan yang betul dan kesan yang mungkin disebabkan oleh penggunaan produknya ke atas manusia dan alam sekitar dengan mematuhi kepada keperluan undang-undang. Evonik mengharapkan pekerjanya untuk bekerja secara konstuktif dengan pihak berkuasa, di mana yang berkenaan.

"Kami sentiasa mematuhi semua peraturan alam sekitar dan keselamatan yang berkaitan."



UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Evonik komited untuk persaingan yang adil dan mematuhi undang-undang -persaingan.

Pesaingan yang adil dapat menyediakan incentif kepada inovasi dan produk yang berkualiti tinggi untuk manfaat pengguna. Evonik menggalakkan persaingan yang adil dan mematuhi undang-undang persaingan.

Semua kakitangan dikehendaki untuk mematuhi undang-undang persaingan dan peraturan -peraturan dalam dan memastikan penglibatan yang tepat pada masanya dengan Jabatan Undang -undang jika terdapat sebarang keraguan.

LARANGAN KARTEL

Perjanjian anti-pesaingan dengan pesaing adalah dilarang, tanpa mengira kedudukan pasaran mereka yang terlibat. Lebih-lebih lagi, ia adalah dilarang untuk membawa apa-apa persefahaman dengan pesaing mengenai sebarang perkara. Di kebanyakan negara, sebarang kelakuan yang berbentuk semata-mata memberi, menerima atau bertukar-tukar maklumat mengenai isu-isu yang relevan untuk pertandingan tidak dibenarkan.

Mesyuarat antara pesaing hanya boleh dilakukan jika ada sebab komersial sah yang tidak dengan sendirinya anti-pesaingan.

Perjanjian dengan lain-lain syarikat-contohnya, pembekal, pelanggan dan pengedar-mungkin juga tertakluk kepada sekatan persaingan, terutamanya jika Evonik atau rakan kongsi perniagaannya mempunyai kedudukan pasaran yang kukuh.

Secara umum terdapat larangan mengeluarkan arahan kepada pengedar berkenaan harga jualan semula yang boleh mereka kenakan. Pengecualian hanya dibenarkan dalam kes-kes yang jarang, dan mestilah mematuhi undang-undang tempatan. Persetujuan terlebih dahulu daripada Jabatan Undang-undang perlulah sentiasa diperolehi.

PENGUASAAN PASARAN

Di kebanyakan negara, syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan pasaran yang kukuh adalah tertakluk kepada sekatan persaingan tertentu, terutamanya jika mereka dianggap mempunyai kedudukan pasaran yang dominan. Dengan kata lain, penyalahgunaan kuasa dominan pasaran adalah dilarang. Jabatan Undang-undang perlu dirujuk untuk menilai sama ada terdapat apa-apa penyalahgunaan atau sama ada kedudukan pasaran yang dominan wujud.

KAWALAN PENGGABUNGAN

Pengambilalihan dan penjualan aktiviti perniagaan syarikat dan, dan penggabungan biasanya tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa persaingan berkaitan. Dalam usaha untuk memastikan bahawa semua aspek yang berkaitan diambilkira, Jabatan Undang -Undang perlu dirujuk pada peringkat awal. Kegagalan untuk memberitahu pihak berkuasa atau pemberitahuan yang lambat boleh menyebabkan denda yang berat dan transaksi mungkin diisyiharkan tidak sah.

*"Kami mematuhi
peraturan anti-pesaingan
dengan tegas."*

CUKAI DAN MENCEGAH PENGUBAHAN WANG HARAM

Evonik mematuhi semua peraturan-peraturan cukai dan anti mengubah wang haram di seluruh dunia.

Evonik sedar tanggungjawab korporat untuk memenuhi kewajipan cukai. Dalam operasi di seluruh dunia, Evonik dan pekerjaannya mematuhi undang-undang cukai negara yang digunakan pada setiap masa. Disebabkan kepelbagaiannya undang-undang cukai tempatan, Evonik telah mengeluarkan peraturan-peraturan dalaman untuk menyeragamkan isu-isu rentas sempadan. Ini adalah mandatori di kawasan di mana undang-undang cukai tempatan adalah kurang tegas. Dalam semua kes lain, pekerja mestilah mematuhi undang-undang cukai tempatan pada setiap masa.

Di samping itu, Evonik mematuhi semua undang-undang untuk mencegah pengubahan wang secara haram dan pembiayaan keganasan. Pengubahan wang secara haram melibatkan memperkenalkan sumber dana haram tersebut ke dalam sistem perniagaan dan kewangan undang-undang.

Pembayaran kepada atau oleh Evonik dalam bentuk wang tunai adalah dilarang, kecuali jika jumlah wang yang terlibat boleh diabaikan. Semua pembayaran hendaklah mematuhi undang-undang cukai serta peraturan anti pengubahan wang secara haram dan peraturan anti-rasuah.

"We observe the rules on taxation and the prevention of money laundering."



PERDAGANGAN LUAR NEGERI DAN KAWALAN EKSPORT

Evonik menyokong usaha global untuk mencegah pengeluaran senjata nuklear, biologi dan kimia dan pembangunan teknologi pelancaran sesuai, dan mematuhi semua peraturan-peraturan perdagangan asing dan adat berkenaan.

Perdagangan barang, perkhidmatan dan teknologi adalah dikawal selia oleh undang-undang negara dan antarabangsa. Dalam pembelian merentas sempadan atau penjualan produk, serta perkhidmatan dan teknologi, semua pekerja mesti mematuhi undang-undang perdagangan asing dan undang-undang kastam dalam bidang tanggungjawab mereka. Semua import dan eksport mesti diisytiharkan dengan betul dan telus kepada pihak berkuasa kastam. Kelakuan yang sah import dan eksport perniagaan perlu dinilai terlebih dahulu oleh pakar-pakar yang bertanggungjawab bagi perdagangan asing atas dasar peraturan-peraturan yang berkenaan.

"Kami mematuhi peraturan-peraturan perdagangan asing dan kastam."

PENGHARAMAN RASUAH

Evonik mengharamkan segala bentuk rasuah.



Rasuah bermakna meminta, menerima, menawarkan atau memberikan manfaat peribadi yang berkaitan dengan transaksi perniagaan atau fungsi awam. Faedah seperti itu boleh berupa bentuk sebuah hadiah, jemputan atau pilih kasih yang memberi manfaat kepada orang yang terlibat atau pihak ketiga, sebagai contoh, saudara.

Oleh sebab rasuah biasanya mengganggu persaingan dan menjaskannya integriti kelakuan seseorang, sekiranya pegawai awam terlibat, ia adalah menyalah undang-undang di hampir semua negara.

MENGAPA IA TIDAK DIBENARKAN?

Evonik komited untuk persaingan yang adil untuk manfaat pelanggan, pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain. Di samping itu, Evonik menghormati kebebasan pegawai awam. Oleh itu, Evonik mengharamkan segala bentuk rasuah, termasuk "bayaran pemudahan". Ia adalah bayaran yang dibuat kepada pegawai awam untuk memulakan atau mempercepatkan tindakan-tindakan rasmi rutin yang berhak ke atas Evonik. Oleh itu Evonik menetapkan standard yang lebih ketat daripada undang-undang di beberapa negara.

Manfaat dalam bentuk tunai dan bayaran seumpamanya tidak dibenarkan, walaupun dalam kes-kes di mana ianya bukan rasuah. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, peraturan rantau yang dikeluarkan oleh Evonik boleh membentarkan pengecualian. Dalam keadaan ini, kebenaran daripada Pegawai Pematuhan yang bertanggungjawab harus didapatkan.

APAKAH YANG DIBENARKAN?

Dalam amalan secara lazimnya, hadiah dan jemputan kepada pekerja, rakan kongsi perniagaan dan pegawai-pegawai awam adalah jenis manfaat yang paling biasa. Pemberian dan penerimaan apa-apa faedah hanya dibenarkan jika ia berpatutan. Khususnya, penerimaan manfaat yang sesuai tidak boleh mempengaruhi atau kelihatan seperti mempengaruhi keputusan pekerja. Ia diukur terutamanya oleh nilai kewangan manfaat, fungsi dan kedudukan penerima, masa yang berhubungan dengan rundingan dan proses membuat keputusan, serta dengan adat perniagaan di negara berkenaan.


Manfaat kepada pihak berkaitan, sebagai contoh, ahli keluarga, hanya dibenarkan dalam keadaan yang sangat terhad.

Sekatan undang-undang yang ketat dikenakan terutamanya ke atas faedah yang diperolehi pegawai awam. Pegawai awam bukan hanya terdiri daripada orang-orang yang memegang jawatan atau fungsi rasmi, sebagai contoh, wakil-wakil pihak berkuasa. Pensyarah universiti dan wakil-wakil syarikat milik negara juga boleh dipertimbangkan sebagai pegawai. Manfaat kepada pegawai-pegawai awam oleh itu hanya dibenarkan pada skala yang sangat terhad, tertakluk kepada peraturan rantau Evonik.

HUBUNGAN DENGAN RAKAN KONGSI PERNIAGAAN

Hubungan dengan rakan kongsi perniagaan mestilah berdasarkan semata-mata pada kriteria yang objektif. Pemilihan rakan kongsi harus dilakukan berdasarkan kriteria objektif tersebut.

**"Kami tidak bertolak
ansur dengan rasuah."**



PERLINDUNGAN DATA

Evonik memastikan tahap perlindungan data yang seragam dan sesuai di seluruh Kumpulan.

Evonik menggunakan kaedah pertukaran data elektronik untuk tujuan perniagaan sendiri dan untuk aplikasi inovatif masa depan. Pada masa yang sama, Evonik sedar risiko yang berkaitan. Apabila mengendalikan data peribadi pekerja dan rakan niaga, Evonik melindungi dan menghormati hak-hak peribadi dan privasi orang yang berkenaan. Ia adalah berdasarkan standard yang seragam di seluruh Kumpulan.

Pekerja hanya boleh mengumpul, menggunakan dan memproses data yang berkaitan dengan atau boleh berkaitan dengan individu-individu selaras dengan prinsip-prinsip undang-undang, ketelusan dan perkadaran. Selain itu, pekerja hanya boleh mengumpul, menggunakan dan memproses data ke tahap di mana ia adalah benar-benar perlu (pengurangan data)

"Kami menghormati hak peribadi dan privasi pekerja dan rakan niaga apabila mengendalikan data peribadi."

PENGGUNAAN DAN PERLINDUNGAN ASET DAN SUMBER-SUMBER

Evonik berharap pekerja akan menggunakan aset dan sumber yang disediakan oleh syarikat dan pihak ketiga dengan betul dan bertanggungjawab.

Evonik berharap pekerja akan menggunakan aset dan sumber yang disediakan oleh syarikat dan pihak ketiga dengan betul dan bertanggungjawab.

Aset dan sumber Evonik termasuk peralatan dan perkhidmatan yang disediakan kepada pekerja bagi kerja mereka. Ia juga termasuk harta intelek sebagai contoh, ciptaan, paten, jenama dan maklumat sulit yang berkaitan dengan perniagaan tertentu. Ini adalah sangat berharga untuk Evonik sebagai sebuah syarikat inovatif.

Aset dan sumber Evonik juga termasuk sistem IT. Kuantiti data yang besar akan diproses, dihantar dan disimpan secara digital. Oleh itu, sistem IT yang berkaitan adalah satu elemen penting dalam proses perniagaan Evonik ini. Campur tangan tidak sah dalam sistem IT tidak dibenarkan kerana ia boleh menyebabkan gangguan serius pada fungsi mereka dan oleh itu mengganggu proses perniagaan Evonik ini.

Setiap pekerja perlu mengendalikan aset dan

sumber Evonik dengan betul dan bertanggungjawab. Ia mestil dilindungi daripada kerugian, kerosakan dan penyalahgunaan. Menggunakan aset dan sumber Evonik untuk tujuan persendirian atau bukan perniagaan adalah tidak dibenarkan melainkan jika pekerja itu telah terlebih dahulu memperolehi kebenaran yang jelas.

Kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini juga terpakai bagi aset dan sumber, termasuk harta intelek, milik rakan niaga Evonik dan pihak ketiga yang lain. Kerugian, kerosakan atau salah guna aset dan sumber tersebut boleh mempunyai akibat yang serius untuk Evonik dan bagi pekerja yang melanggar peraturan.

"Kami mengendalikan aset dan sumber kami serta aset dan sumber pihak ketiga dengan bertanggungjawab."



INTEGRITI DALAM PELAPORAN DAN PERATURAN MODAL PASARAN

Evonik menghormati integriti pelaporan dan berpegang pada peraturan-peraturan modal pasaran berkenaan.

Sebagai sebuah syarikat awam yang disenaraikan, adalah amat penting bagi Evonik untuk mendapatkan kepercayaan dari para pemegang saham dan pelabur. Antara lain, Evonik perlu memastikan laporan kewangan yang betul dan layanan sama rata semua pelabur.

LAPORAN KEWANGAN

Untuk memastikan laporan kewangan yang betul, semua hal keadaan yang berkaitan hendaklah didokumenkan sepenuhnya dan dengan betul, dan diambil kira mengikut peraturan-peraturan luar yang berkaitan dan mana-mana kaedah dalaman yang ditetapkan oleh Evonik. Di samping itu, semua rekod perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan semua transaksi hendaklah diterjemahkan dengan lengkap dan betul, dan aset bersih Evonik mesti diiktiraf dengan betul.

MAKLUMAT ORANG DALAM

Maklumat dalaman adalah maklumat yang berkaitan dengan "issuers", terutamanya Evonik Industries AG atau syarikat Kumpulan Evonik lain, dan berkaitan instrumen kewangan seperti saham dan bon yang boleh memberi pengaruh yang besar kepada harga instrumen kewangan ini atau kepada harga derivatif kewangan yang berkaitan sekiranya ia menjadi pengetahuan umum.

Maklumat dalaman mesti dikendalikan dengan suatu tahap berahsia. Ia tidak boleh didedahkan dengan melanggar undang-undang. Pekerja tidak boleh menggunakan maklumat tersebut untuk membeli atau menjual instrumen kewangan untuk diri sendiri atau menguruskan bagi pihak ketiga untuk berbuat demikian.

Selain itu, pekerja mesti mematuhi semua peraturan berkenaan perdagangan dalaman yang lain dan undang-undang tempatan.

*"Kami memastikan
laporan yang teratur dan tepat
dan mengendalikan
maklumat dalaman dengan rahsia."*

KONFLIK KEPENTINGAN

Pemisahan yang ketat terhadap kepentingan peribadi dan perniagaan adalah sangat penting untuk Evonik.

Hubungan peribadi atau kepentingan pekerja hendaklah tidak mempengaruhi kerja mereka untuk Evonik. Oleh itu, kedua-dua konflik kepentingan sebenar dan sebarang bentuk yang menyerupai konflik kepentingan mesti dielakkan. Semua pekerja dikehendaki melaporkan percanggahan yang nyata atau kemungkinan percanggahan bagi mengelakkan potensi ianya memberi kesan kepada diri mereka di bawah undang-undang pekerjaan atau undang-undang jenayah, dan untuk mengelakkan memberikan kesan negatif kepada Evonik.

KONFLIK KEPENTINGAN MUNGKIN TIMBUL AKIBAT DARIPADA:

- 1 **Pekerjaan sampingan/kedua**
- 2 **Kepentingan kewangan dalam pesaing, rakan kongsi perniagaan atau syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Evonik**
- 3 **Transaksi perniagaan dan keputusan yang melibatkan saudara-mara dan pihak-pihak lain yang berkaitan.**

1 Pekerjaan Sampingan/kedua

Pekerjaan kedua boleh menjelaskan kepentingan Evonik ini. Pertama, kerana pekerja mempunyai kewajipan untuk mencurahkan keseluruhan kapasiti kerja untuk manfaat Evonik dalam hubungan pekerjaan mereka. Dan kedua, kerana pekerjaan kedua boleh menjelaskan keputusan perniagaan pekerja di Evonik atau keputusan yang dibuat oleh pihak ketiga berkenaan dengan Evonik. Sebagai peraturan umum, semua pekerja dikehendaki melaporkan apa-apa aktiviti keusahawanan, kerja komersial untuk pihak ketiga, atau fungsi berkaitan yang dilakukan di pihak ketiga.

Kewajipan ini juga terpakai kepada pekerja yang mengambil fungsi awam atau politik, atau mengusahakan kerja sosial, kebajikan atau kerja lain melainkan fungsi atau kerja tersebut tidak akan menjelaskan kepentingan Evonik.

Kewajipan am untuk melaporkan pekerjaan kedua dan aktiviti-aktiviti yang digariskan di atas diguna pakai sama ada pekerja menerima saraan atau menjalankan kerja secara sukarela.

2 Kepentingan kewangan dalam pesaing, rakan kongsi perniagaan atau syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Evonik

Pekerja perlu memaklumkan Evonik tentang apa-apa kepentingan kewangan secara langsung atau tidak langsung melebihi 5 peratus di dalam pesaing atau rakan perniagaan Evonik-terutamanya para pelanggan, pembekal, pengedar, ejen, perunding, perkhidmatan pembekal dan syarikat-syarikat lain yang mempunyai kaitan dengan Evonik.

Kewajipan ini juga terpakai jika kepentingan kewangan tidak dipegang oleh pekerja tetapi oleh saudara atau orang lain yang berkaitan dengan pekerja (lihat di bawah), dengan syarat pekerja tersebut menyedari wujudnya kepentingan tersebut.

3 Transaksi perniagaan dan keputusan yang melibatkan saudara-mara dan pihak-pihak lain yang berkaitan

Pekerja mesti melaporkan semua keputusan perniagaan dan kakitangan yang berkaitan dengan Evonik yang melibatkan saudara-mara dan pihak berkaitan lain yang berikut:

- Pasangan
- Pasangan yang telah berdaftar secara sah
- Ibu bapa, ibu bapa mertua, ibu bapa tiri
- Kanak-kanak, anak mertua, anak tiri
- Adik-beradik, adik beradik tiri
- Orang lain yang tinggal di rumah yang sama
- Orang lain dengan siapa mereka mempunyai hubungan peribadi yang rapat dan/atau ekonomi atau kewangan

"Kami mengasingkan hal peribadi dan kepentingan perniagaan."

APAKAH TINDAKAN YANG DIPERLUKAN DALAM KES-KES DI ATAS?

Dalam ketiga-tiga kes yang dinyatakan di atas, pekerja perlu memaklumkan kepada penelia mereka dan jabatan Sumber Manusia secara bertulis secepat yang mungkin. Pemberitahuan tidak perlu jika undang-undang tempatan yang berkenaan bercanggah dengan kewajipan ini.

Pekerja perlu menunggu keputusan Jabatan Sumber Manusia. Khususnya, mereka tidak boleh mengambil pekerjaan kedua yang harus dilaporkan, menjalankan perniagaan, atau membuat apa-apa keputusan berkaitan sebelum mereka mendapat persetujuan daripada jabatan Sumber Manusia. Dalam hal pekerjaan kedua, kebenaran akan diberi jika tiada konflik dengan kepentingan sah Evonik ini.

Di mana kontrak pekerjaan menentukan perkiraan tambahan atau lain-lain urusan, tindakan ini mesti dipatuhi. Tindakan ini juga merangkumi peraturan tempatan berdasarkan undang-undang tempatan mandatori.

KOMUNIKASI LUAR

Evonik komited untuk komunikasi terbuka, yang tepat pada masanya dan yang dipercayai dengan semua pihak berkepentingan.

Pekerja yang membuat kenyataan awam mengenai Evonik mempengaruhi imej Kumpulan terutamanya berhubung dengan pihak-pihak berkepentingan seperti media, rakan niaga, pesaing dan modal pasaran. Pekerja boleh meluahkan pendapat peribadi mereka di khalayak ramai, bagaimanapun, mereka mesti tidak boleh menunjukkan bahawa mereka bercakap bagi pihak Evonik. Ini terpakai terutamanya apabila menggunakan media sosial. Kenyataan umum bagi pihak Evonik hanya boleh dibuat oleh orang-orang khusus yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.

Evonik juga menganggap penajaan sebagai sebahagian daripada komunikasi luaran. Evonik menggunakan penajaan untuk tujuan promosi dan perhubungan awam. Tajaan oleh Evonik meliputi sukan, kebudayaan, sains dan lain-lain bidang yang penting kepada masyarakat. Tajaan hanya dibenarkan dalam rangka peraturan-peraturan dalaman.

"Kami hanya membuat kenyataan bagi pihak Evonik jika kami diberi kuasa untuk berbuat demikian."



KOMITMEN SOSIAL DAN POLITIK

Evonik yakin bahawa komitmen sosial dan politik adalah penting untuk interaksi perniagaan dan masyarakat. Evonik memperlihatkan tanggungjawab sosialnya dalam pelbagai cara yang berbeza.

Evonik membuat sumbangan wang dan bahan-bahan untuk menyokong aktiviti budaya, sosial, agama, sains, politik dan amal. Derma hanya dibenarkan jika mereka mematuhi peraturan-peraturan dalaman.

Sokongan politik bagi pihak Evonik mestilah berdasarkan pada prinsip ketelusan.


"Kami sedar bahawa komitmen sosial dan politik Evonik mesti mematuhi peraturan-peraturan dalaman Evonik ini."

SANKSI DAN AKIBAT

Kod Kelakuan ini adalah merupakan sebahagian daripada hubungan pekerjaan antara Evonik dan setiap pekerja. Melanggar Kod Kelakuan ini boleh membawa kesan serius untuk pekerja, sebagai contoh, tindakan tatatertib di bawah undang-undang pekerjaan, termasuk pemberhentian kerja, atau tuntutan untuk pampasan oleh Evonik atau pihak ketiga. Pelanggaran Kod Kelakuan ini juga merupakan satu kesalahan jenayah di mana pelanggaran tersebut juga boleh menyebabkan prosiding jenayah, yang boleh membawa kepada denda kepada pekerja atau pekerja dipenjarakan.

Melanggar Kod Kelakuan bukan sekali-kali untuk kepentingan Evonik (prinsip toleransi sifar). Dalam kes sedemikian, pekerja tidak boleh menggunakan pembelaan bahawa mereka percaya mereka bertindak demi kepentingan Evonik.

Meskipun Kod Kelakuan ini dilanggar oleh seorang pekerja, ia boleh membahayakan reputasi Evonik dan menyebabkan kerosakan kewangan yang besar, sebagai contoh, melalui denda dan tuntutan bagi pampasan.



SISTEM PEMBERI MAKLUMAT- "WHISTLEBLOWER"

Setiap pekerja dikehendaki melaporkan kemungkinan pelanggaran Kod Kelakuan ini kepada jabatan yang bertanggungjawab atau Pegawai Pematuhan dengan segera, tidak kira sama ada ia berkaitan dengan pekerja itu sendiri atau dengan rakan-rakan sekerja beliau. Sebagai contoh, hotline Pematuhan intranet Evonik boleh digunakan untuk tujuan ini.

Evonik menyiasat semua dakwaan pelanggaran dan mengendalikan semua maklumat dengan kerahsiaan sebaik yang mungkin. Evonik tidak bertolak ansur dengan sebarang kesulitan kepada pekerja yang melaporkan kemungkinan pelanggaran Kod Kelakuan atau pekerja yang bekerjasama dalam penyiasatan pelanggaran -kecuali jika dakwaan merupakan penyalahgunaan sistem pemberi maklumat.

MAKLUMAT SYARIKAT

Evonik Industries AG
Rellinghauser Straße 1–11
45128 Essen
Jerman

Telefon: +49 201 177-01
Fax +49 201 177-3475
info@evonik.com

Lembaga Pengurusan
Christian Kullmann, Pengerusi
Dr. Harald Schwager, Naib Pengerusi
Thomas Wessel, Ute Wolf

Pengerusi Lembaga Penyeliaan: Bernd Tönjes

Syarikat berdaftar: Essen
Mahkamah berdaftar: Mahkamah tempatan Essen,
Nombor Pendaftaran Komersial B 19474

Nombor VAT ID.: DE 811160003

TANGGUNGJAWAB EDITOR

Komunikasi dalaman
Telefon +49 201 177-3341
Fax +49 201 177-3013
info@evonik.com

HUBUNGI

Ketua Antitrust dan Pematuhan
Bahagian Undang-Undang Korporat,
Pematuhan dan Audit
compliance-officer@evonik.com

MAKLUMAT LANJUT

Intranet
<http://intranet.evonik.com/verhaltenskodex>
<http://intranet.evonik.com/codeofconduct>
Internet
www.evonik.de/verhaltenskodex
www.evonik.com/codeofconduct
Mikrosite
verhaltenskodex.evonik.de
codeofconduct.evonik.com

AGENSI

Büssinger+

PADA

Januari 2020

KREDIT GAMBAR

Gambar: Andreas Pohlmann
Ilustrasi: Julian Rentzsch

EVONIK INDUSTRIES AG
Rellinghauser Straße 1–11
45128 Essen, Jerman
www.evonik.com

